

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 25 Februari 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN**  
**SUKU TAHUN PERTAMA 2022**

---

**Sentimen perniagaan di Malaysia melonjak ke trajektori positif buat pertama kali sejak sembilan suku tahun sebelumnya, mencatatkan petunjuk keyakinan +7.6 peratus daripada -0.3 peratus pada suku tahun lalu**

**PUTRAJAYA, 25 FEBRUARI 2022** – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Pertama 2022**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Keyakinan perniagaan kembali optimistik menjelang suku pertama 2022 dengan petunjuk keyakinan +7.6 peratus daripada -0.3 peratus pada suku tahun sebelumnya, pertama kali sejak sembilan suku tahun sebelumnya berada di trajektori negatif (**Paparan I**).”

“Dalam kesemua sektor yang disurvei, sektor Perkhidmatan, Industri dan Perdagangan Borong & Runcit menjangkakan prestasi perniagaan yang lebih baik pada suku tahun pertama 2022. Keyakinan perniagaan bagi sektor Perkhidmatan melonjak ke trajektori positif dengan +11.1 peratus pada suku tahun rujukan

daripada -1.3 peratus yang dicatatkan pada suku tahun yang lalu. Sektor industri menggambarkan keadaan perniagaan yang lebih baik dengan petunjuk keyakinan +12.2 peratus berbanding +3.6 peratus yang dicatatkan pada suku tahun keempat 2021. Begitu juga, sektor Perdagangan Borong & Runcit menjangkakan prospek perniagaan yang lebih cerah dengan +4.0 peratus pada suku tahun rujukan berbanding +3.3 peratus pada suku tahun terdahulu. Sebaliknya, sektor Pembinaan terus pesimistik terhadap prestasi perniagaan dengan petunjuk keyakinan -40.4 peratus pada suku tahun pertama 2022,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Berkenaan dengan hasil kasar, 33.5 peratus responden menjangkakan peningkatan dalam hasil kasar mereka bagi suku tahun pertama 2022 manakala 27.7 peratus menjangkakan penurunan dalam hasil kasar yang seterusnya mendorong kepadaimbangan bersih +5.8 peratus. Pada masa yang sama, 38.8 peratus responden menjangkakan hasil kasar mereka tidak berubah berbanding suku tahun keempat 2021. Dari segi trend pekerjaan, 70.8 peratus pertubuhan merancang untuk mengekalkan tenaga kerja mereka pada suku tahun rujukan. Kira-kira 18.2 peratus pertubuhan berhasrat untuk mengambil lebih ramai tenaga kerja, manakala 11.0 peratus meramal untuk mengurangkan tenaga kerja mereka yang mendorongimbangan bersih +7.2 peratus.

Prospek perniagaan bagi separuh pertama tahun 2022 terus bertambah baik denganimbangan bersih +18.9 peratus berbanding +24.1 peratus yang dicatatkan untuk tempoh Oktober 2021 hingga Mac 2022 (**Paparan II**). Tinjauan positif ini disokong terutamanya oleh sektor Perdagangan Borong & Runcit, Perkhidmatan dan Industri yang optimistik terhadap prestasi perniagaan mereka. Perdagangan Borong & Runcit meramalkan prospek perniagaan yang menggalakkan bagi separuh pertama tahun 2022 denganimbangan bersih +27.0 peratus berbanding +35.1 peratus yang dicatatkan sebelum ini. Pada masa yang sama, sektor Perkhidmatan menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik denganimbangan bersih +25.1 peratus daripada +24.3 peratus. Sektor industri juga meramalkan prestasi perniagaan yang positif denganimbangan bersih +17.7 peratus bagi Januari hingga Jun 2022 berbanding +24.5 peratus yang direkodkan sebelum ini. Sebaliknya, sektor Pembinaan menjangkakan keadaan perniagaan yang kurang menggalakkan untuk

enam bulan akan datang dengan imbangan bersih -30.8 peratus berbanding -18.4 peratus yang dicatatkan sebelum ini.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
25 FEBRUARI 2022**

## Lampiran

### Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 - 2022



### Paparan II: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2019 – 2022



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, February 25<sup>th</sup> 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**BUSINESS TENDENCY STATISTICS**  
**FIRST QUARTER 2022**

---

**Business sentiment in Malaysia rebounds to a positive trajectory first-ever since the previous nine quarters, registering a confidence indicator of +7.6 per cent from -0.3 per cent in the last quarter**

**PUTRAJAYA, FEBRUARY 25, 2022** – The Department of Statistics, Malaysia today released **Business Tendency Statistics for the First Quarter 2022**. This publication presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics is based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Business confidence turns optimistic going into the first quarter 2022 with a confidence indicator of +7.6 per cent from -0.3 per cent in the preceding quarter, first time ever since the previous nine quarters in the negative trajectory (**Exhibit I**).”

“Among all of the surveyed sectors, Services, Industry and Wholesale & Retail Trade sectors expect better business performance in the first quarter of 2022. The business confidence for Services sector rebounds to a positive trajectory with +11.1 per cent in the reference quarter from -1.3 per cent recorded in the past quarter. Industry sector depicts a better business condition with +12.2 per cent

compared to +3.6 per cent recorded in the fourth quarter 2021. Similarly, the Wholesale & Retail Trade sector anticipates brighter business outlook with +4.0 per cent in the reference quarter as against +3.3 per cent in the last quarter. On a contrary, the Construction sector continues to be pessimistic on its business performance with confidence indicator of -40.4 per cent in the first quarter of 2022,” he said in a statement today.

With regards to gross revenue, 33.5 per cent of respondents anticipate an increment in their gross revenue for the first quarter of 2022 whilst 27.7 per cent expect a decrease in gross revenue which further led to a net balance of +5.8 per cent. Concurrently, 38.8 per cent of respondents expect their gross revenue to stagnate as compared to the fourth quarter 2021. In view of employment trend, 70.8 per cent of the establishments plan to retain their manpower in the reference quarter. About 18.2 per cent of establishments intend to recruit more manpower, while 11.0 per cent predict to reduce their manpower which induced to a net balance of +7.2 per cent.

Business prospect for the first half of 2022 continues to improve with a net balance of +18.9 per cent as against +24.1 per cent posted for the term of October 2021 until March 2022 (**Exhibit II**). This positive outlook was mainly supported by Wholesale & Retail Trade, Services and Industry sectors which are optimistic towards their business performance. The Wholesale & Retail Trade foresees favourable business outlook for the first half of 2022 with a net balance of +27.0 per cent as against +35.1 per cent recorded previously. Simultaneously, Services sector expects better business condition with a net balance of +25.1 per cent from +24.3 per cent. Industry sector also predicts positive business performance with a net balance of +17.7 per cent for January until June 2022 as against +24.5 per cent recorded previously. Conversely, the Construction sector anticipates less favourable business condition for the next six months with a net balance of -30.8 per cent as compared to -18.4 per cent recorded previously.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to


31<sup>st</sup> December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

Released by:

**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
25 FEBRUARY 2022**

## Appendix

### Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2018 - 2022



### Exhibit II: Net Balance of Business Performance Expectation for Upcoming Six Months, Malaysia, 2019 – 2022

